Harian METRO

| TARIKH | 12 / 12 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| --- | --- | --- | --- |
| MUKA SURAT | 14 | RUANGAN | Setempat |

# Hadiah elaun seumur hidup

KEPONG: Johan qari dan qariah pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan pada kali ini bakal menerima hadiah kereta Proton Preve sebagai pengiktirafan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, hadiah itu atas penajaan Tabung Haji dalam menghargai sumbangan individu yang menjadi johan peringkat kebangsaan.

"Bagi peserta tempatan yang menjadi johan peringkat antarabangsa pula, elaun RM2,000 sebulan diberikan seumur hidup," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Perasmian Konvensyen Profesionalisme Pengurusan dan Pelancaran Garis Panduan Penarafan Bilik Air dan Tempat Wuduk Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan serta album Simfoni IMQ di sini, semalam.